



سَمْبُوتَانِ هَارِي كُورُومَا

Sambutan Hari Guru Ke-35

23 September 2025M • 01 Rabiulakhir 1447H

# BUKU PROGRAM

كَوْرُوْمُ مَجْمُوعِيْنَ فَيْدِيْقِيْنَ لِسِتْرِيْ اِكْبَارِ ابْنُوْ اَسِيْ

Guru Pemangkin Pendidikan Lestari dan Inovasi



سَمْبُوتَانِ هَارِي كُورُومَا  
23 SEPTEMBER  
HG35  
SAMBUTAN  
23 September 2025M





**23 SEPTEMBER**

**HG35**

**SAMBUTAN**

*Haji Guru Ke-35*





**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah  
Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien  
Sa'adul Khairi Waddien,  
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**





**Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien  
ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam II**





**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda  
Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan Haji Hassanah Bolkiyah Mu'izzaddin Waddaulah,  
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri**



# KANDUNGAN PROGRAM SAMBUTAN HARI GURU NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-35 TAHUN 2025

## ISI KANDUNGAN

## MUKA SURAT

Kata Alu-Aluan Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md Salleh, Menteri Pendidikan dan Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama	1
Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam ke-34 pada 23 September 2024	4
Petikan Syair Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam II	7
Huraian Tema Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-35 Tahun 2025	9
Penerima-Penerima Anugerah Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-34 Tahun 2024	11
Ristaan Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-34 Tahun 2024	18
Khutbah Khas Sembahyang Fardhu Jumaat Sempena Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-34 Tahun 2024	24
Inisiatif-Inisiatif dalam Pengajaran dan Pembelajaran	27
Rancangan Aktiviti-Aktiviti Sepanjang Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-35 Tahun 2025	38
Jawatankuasa-Jawatankuasa Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-35 Tahun 2025	41
Tajaan dan Penghargaan	44


# MAJLIS SAMBUTAN HARI GURU NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KALI KE-35 TAHUN

**Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas  
Hari Selasa, 1 Rabiulakhir 1447 / 23 September 2025**

Masa	Pengisian Acara
8:30 Pagi	: Ketibaan Pembesar-Pembesar Negara dan para jemputan-jemputan khas
9:00 Pagi	: Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat-Kerabat Diraja <ul style="list-style-type: none"><li>• Lagu Kebangsaan "Allah Peliharakan Sultan"</li><li>• Bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat</li><li>• Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran dan Intisari Ayat</li><li>• Sembah Alu-Aluan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan</li><li>• Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam</li><li>• Tayangan Klip Video</li><li>• Persembahan Hari Guru</li><li>• Pengumuman Penerima-Penerima Anugerah Hari Guru</li><li>• Pengurniaan Anugerah Hari Guru</li><li>• Lagu Kebangsaan "Allah Peliharakan Sultan" (penutup acara)</li></ul>
	: Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat-Kerabat Diraja dijunjung berangkat ke Bilik Santap untuk santapan ringan
	: Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat-Kerabat Diraja dijunjung untuk sesi bergambar ramai bersama penerima-penerima Anugerah Hari Guru dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan
	: Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat-Kerabat Diraja dijunjung berangkat bagi menyaksikan pameran dan Majlis Junjung Ziarah
	: Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat-Kerabat Diraja berangkat meninggalkan majlis



**KATA ALU-ALUAN  
YANG BERHORMAT  
MENTERI PENDIDIKAN  
DAN  
YANG BERHORMAT  
MENTERI HAL EHWAL UGAMA**



# KATA ALU-ALUAN

## YANG BERHORMAT MENTERI PENDIDIKAN DAN YANG BERHORMAT MENTERI HAL EHWAL UGAMA



Yang Berhormat  
Datin Seri Setia Dr Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md Salleh  
Menteri Pendidikan  
Selaku Pengerusi Bersama  
Sambutan Hari Guru Ke-35, Tahun 2025



Yang Berhormat  
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang  
Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman  
Menteri Hal Ehwat Ugama  
Selaku Pengerusi Bersama  
Sambutan Hari Guru Ke-35, Tahun 2025

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
الحمد لله رب العالمين، وبه نستعين على أمور الدنيا والدين، والصلاة والسلام على أشرف المرسلين، سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين

Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah *Subhanahu Wata'ala* kerana dengan limpah rahmat dan izinNya jua kita dapat meraikan Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Kali Ke-35 bagi Tahun 1447H / 2025M. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, kaum keluarga, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi taat hingga ke akhir zaman.

Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwat Ugama dengan penuh sukacita menyambut baik tema Sambutan Hari Guru pada tahun ini iaitu **Guru Pemangkin Pendidikan Lestari dan Inovasi**.

Tema pada tahun ini membawa makna peranan guru kini bukan sahaja terhad kepada menyampaikan ilmu dalam bilik darjah, namun mereka juga adalah sebagai agen perubahan, pemangkin kepada pendidikan yang berkualiti secara lestari serta pencetus kepada inovasi yang memberi impak penyumbang kepada menghasilkan modal insan yang berilmu, berakhlak dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran masa akan datang.

Ke arah memastikan keberkesanan pendidikan agar sentiasa terarah, Kementerian Pendidikan melalui Pelan Strategik bagi tahun 2023 hingga 2027 dengan berpandukan visi 'Pendidikan Berkualiti, Negara Progresif' giat melaksanakan pelbagai inisiatif berterusan ke arah mempertingkatkan dan memastikan sistem pendidikan di negara ini kekal relevan dan sejajar dengan keperluan semasa.

Dalam usaha yang sama, Kementerian Hal Ehwat Ugama melalui Jabatan Pengajian Islam juga akan terus memperkukuh dan memperkasa kualiti pendidikan ugama di sekolah-sekolah dengan melibatkan pelaksanaan pendekatan dasar-dasar dan strategi-strategi yang holistik dan terancang.

Seiring dengan perkembangan teknologi dan digital semasa, para guru sentiasa komited dalam meningkatkan kompetensi, pengetahuan dan kemahiran serta sentiasa mengikuti perkembangan semasa agar tidak ketinggalan dengan perubahan masa. Hal ini penting memandangkan generasi yang kita didik pada masa ini iaitu Generasi Z termasuk generasi Alpha adalah generasi yang peka, celik dan mahir dalam menggunakan teknologi, justeru memerlukan pendekatan pendidikan yang relevan, lestari dan inovasi sesuai dengan keperluan mereka.

Oleh itu, pelbagai program dan kursus telah dijalankan bagi membangun kapasiti dan kompetensi prestasi guru secara berterusan. Pertama, **Digital Education Programmes (DEP)** dilaksanakan di bawah Kementerian Pendidikan dan **Program Microsoft Partners in Learning** bagi Kementerian Hal EHWAL Ugama telah dilaksanakan agar para pentadbir sekolah dan guru dapat memperoleh pengetahuan dan kemahiran dan memanfaatkan teknologi dalam usaha untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih berkesan.

Kedua, **Garis Panduan Pelan Perkembangan dan Laluan Kerjaya Pendidik** yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan merupakan salah satu usaha dalam memastikan para guru sentiasa berkembang secara profesional serta responsif terhadap perubahan persekitaran pendidikan yang semakin dinamik. Selain itu, di sekolah Arab dan Ugama di bawah Kementerian Hal EHWAL Ugama, **Program At-Tarqiah** terus dilaksanakan oleh Jabatan Pengajian Islam bagi memastikan kualiti para guru sentiasa mencapai standard kebangsaan. Manakala, **Program Tahsin Qira'atil Quran** memastikan agar kemahiran para guru dalam pembacaan Al-Quran sentiasa diperkukuhkan.

Inisiatif-inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal EHWAL Ugama agar para guru sentiasa dilengkapi dengan kemahiran dan kompetensi yang relevan dan mampu beradaptasi dengan keperluan masa hadapan dalam usaha membentuk generasi pelajar yang berkualiti dari sudut duniawi dan ukhrawi, selaras dengan prinsip Maqasid Syariah yang memberi penekanan terhadap nilai-nilai murni yang ditunjangi oleh Al-Quran dan Al-Hadith seperti Siddiq dan Amanah. Usaha ini turut menyumbang kepada pembangunan sumber daya manusia dalam mengorak langkah menuju Wawasan Brunei 2035 iaitu ke arah pendidikan holistik yang memastikan pelajar-pelajar dilengkapi ilmu pengetahuan dan kemahiran abad ke-21.


Seterusnya, keperluan meningkatkan infrastruktur yang lestari dan ekosistem digital di institusi-institusi pendidikan turut diberikan keutamaan melalui peningkatan infrastruktur rangkaian **School Network Infrastructure Upgrade (SNIU)** dan pelaksanaan **Smart Classroom** secara rintis serta inisiatif hijau **Smart & Green Classroom** kepada sekolah-sekolah yang terpilih di bawah Kementerian Pendidikan untuk memberikan pengalaman pengajaran dan pembelajaran yang lebih interaktif dan inovasi. Dengan adanya infrastruktur yang lestari dan ekosistem digital yang mantap, para guru akan lebih berdaya untuk melaksanakan pengajaran yang berpusatkan murid secara lebih kreatif dan inovasi, manakala para pelajar pula dapat meningkatkan minat dan keterlibatan mereka dalam pembelajaran seiring dengan keperluan generasi masa kini.

Akhir kata, setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada penerima Anugerah Hari Guru Ke-35, semua guru yang sedang berkhidmat dan juga yang telah bersara kerana jasa mereka telah mampu menjana generasi dan belia yang berwawasan untuk Negara Brunei Darussalam. Pada kesempatan ini, kedua-dua kementerian sukacita merakamkan ucapan penghargaan yang tulus dan terima kasih kepada Jawatankuasa Sambutan Hari Guru Ke-35 Tahun 2025 yang telah memberikan sokongan padu dalam merancang dan memastikan acara berjalan dengan lancar dan jayanya. Semoga Allah *Subhanahu Wata'ala* memberikan sebaik-baik ganjaran kepada semua. Kedua-dua kementerian yakin bahawa dengan kerjasama yang erat antara pihak kerajaan, sekolah dan masyarakat akan dapat melahirkan generasi yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi juga unggul dari segi akhlak dan inovasi, natijahnya dapat memberi manfaat sebagai generasi yang lebih harmonis dan damai. Terima kasih kepada semua.

وبالله التوفيق والهداية  
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته



**TITAH**  
**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA**  
**PADUKA SERI BAGINDA**  
**SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH**  
**MU'IZZADDIN WADDAULAH**  
**IBNI AL-MARHUM**  
**SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN**  
**SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,**  
**SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN**  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM,**  
**DI MAJLIS SAMBUTAN HARI GURU**  
**KE-34 TAHUN 2024**



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،  
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ،  
وَبَعْدُ

Bersyukur kita ke hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dapat hadir bagi meraikan dan memeriahkan Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Kali Ke-34 pada tahun ini.

Di kesempatan ini, Beta terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua yang bergelar guru atau pendidik atas komitmen dan sumbangan mereka kepada anak bangsa.

Tema sambutan Hari Guru pada tahun ini "Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan". Tema ini terus memfokus kepada guru selaku tonggak dan agen perubahan. Transformasi pendidikan bukan terhad kepada teknologi dan infrastruktur canggih semata-mata, tetapi juga bersifat yang lebih besar dari itu. Ini termasuk aspek kesejahteraan untuk semua.

1 November 2023 telah menyaksikan satu transformasi dalam sistem pendidikan di mana mata pelajaran Ugama telah diintegrasikan ke dalam sistem Pendidikan Umum bagi pelajar-pelajar Tahun 2 hingga Tahun 5. Perubahan ini boleh menyumbang kepada penggunaan masa lebih optimum di samping memperluaskan lingkungan aktiviti pembelajaran, tidak hanya terbatas kepada persekitaran bilik darjah. Pendekatan sebegini boleh memperkaya pengalaman pelajar melalui konteks baharu dan sekaligus merangsang kebolehan mereka beradaptasi di dunia yang semakin kompleks dan mencabar. Tetapi ini tidak bermakna pendidikan ugama diabaikan menjadi ke bawah. Semua pihak berkenaan perlu memahami perkara ini.

Menyentuh mengenai persiapan pelajar untuk menghadapi cabaran kehidupan, Negara Brunei Darussalam telah menyertai satu penilaian antarabangsa anjuran *Organisation for Economic Cooperation and Development* (OECD) iaitu *Programme for International Student Assessment* (PISA) pada tahun 2022. Alhamdulillah, terdapat peningkatan pencapaian dalam kesemua 3 ruang lingkup yang dinilai, berbanding pencapaian PISA 2018.

Perkembangan yang baik ini, tentunya terhasil dari sokongan berterusan oleh para guru dalam memandikan anak-anak Brunei. Ini dibuktikan oleh dapatan dari PISA di mana pelajar-pelajar di negara ini merasakan guru-guru mereka sentiasa bersedia memberikan pertolongan atau sokongan. Ini membuktikan betapa faktor guru adalah salah satu penyumbang utama dalam kejayaan pelajar. Oleh itu di kesempatan ini Beta sukacita mengucapkan syabas dan tahniah kepada para guru sekalian atas keprihatinan, komitmen dan pengorbanan mereka kepada pelajar-pelajar kita.

Kerajaan Beta insya Allah akan terus komited menyediakan peluang-peluang pembelajaran di dalam dan luar negeri, melalui pelbagai biasiswa yang ditawarkan. Dan sehubungan dengan itu, Beta menyarankan supaya pihak Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama akan memperkemas lagi dasar biasiswa kerajaan dengan membuka peluang lebih luas demi kepentingan pembangunan sumber tenaga manusia. Ini selaras dengan tujuan memantapkan tenaga kerja yang berkualiti.

Dalam suasana pembelajaran menjurus kepada ekspektasi baharu, maka kesejahteraan para guru pemacu utama perubahan mestilah terus dijaga. Aspek ini penting kerana ia mempengaruhi kerjaya para guru. Bagi memastikan kesejahteraan guru-guru kita dipedulikan, maka Beta dengan semangat penuh simpati memperkenankan bagi para guru di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk diberikan Cuti Ihsan semasa sesi penggal persekolahan mengikut garis panduan dan syarat yang ditetapkan yang akan berkuatkuasa pada 01 Januari 2025, Beta berharap, Ihsan ini hendaklah akan dapat meningkatkan lagi prestasi dan motivasi para guru.

Akhirnya, Beta dengan tulus ikhlas mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua warga guru di negara ini. Semoga segala usaha serta sumbangan mereka yang sangat berharga itu akan mendapat ganjaran yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala.


Beta juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para penerima Anugerah Hari Guru pada tahun ini. Semoga penganugerahan ini akan menjadi sumber dan inspirasi dan pencetus semangat kepada semua warga guru.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية  
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته



**PETIKAN SYAIR  
AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR  
'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI  
WADDIEN IBNI AL-MARHUM  
SULTAN MUHAMMAD JAMALUL  
ALAM II**



**PETIKAN SYAIR-SYAIR  
AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI  
SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN**

**Ilmu Pengetahuan dan Pelajaran,  
Berserta Dengan Kemahiran,  
Menyenangkan Usaha Laila Fikiran,  
Boleh Merancang Peta Ukiran.**

**Tuntutlah Ilmu Yang Kebaikan,  
Carilah Pelajaran Yang Berkebajikan,  
Mempelajari Ilmu Untuk Keelokan,  
Mencari Pelajaran Untuk Kebaikan.**


**Ilmu Itu Pelita Hati,  
Dapat Mengira Untung Dan Rugi,  
Senang Menduga Saudara Sebati,  
Panduan Memilih Elok Dan Keji.**

**Wahai Anakanda Laila Bangsawan,  
Tuntutlah Ilmu Pengetahuan,  
Ilmu Pengetahuan Mata Panduan,  
Mata Pelajaran Punca Haluan.**

**Khas dipetik dari  
Penyair Diraja Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien  
Terbitan Pusat Sejarah Brunei  
Negara Brunei Darussalam  
Cetakan Pertama Edisi 1987, Muka Surat 58-60**



**HURAIAN TEMA  
SEMPENA SAMBUTAN HARI GURU  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
KE-35 TAHUN 2025**





# GURU PEMANGKIN PENDIDIKAN LESTARI DAN INOVASI

'Guru Pemangkin Pendidikan Lestari dan Inovasi' membawa maksud peranan guru sebagai tokoh utama yang mendorong perubahan positif dalam sistem pendidikan ke arah yang lebih berdaya tahan, inklusif, dan berteraskan nilai-nilai murni. Guru juga menggalakkan pemikiran kreatif dan inovasi dalam kalangan pelajar dengan mendorong mereka menyelesaikan masalah secara kritis dan menghasilkan buah fikiran baharu dan berimpak tinggi. Ugama Islam mengangkat martabat guru sebagai Murabbi, iaitu pendidik jiwa dan sahsiah pelajar di samping menyampaikan ilmu pengetahuan yang harus mencontohi sifat-sifat para nabi yang terpuji dan menanamkannya ke dalam diri pelajar. Guru sebagai Murabbi mengutamakan pembentukan akhlak mulia, pembangunan potensi pelajar secara holistik merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani, dan intelektual.

Guru juga menjadi pemain utama dalam melahirkan generasi pelajar yang bukan sahaja berilmu tinggi, malah prihatin, beretika dan bersedia menghadapi cabaran masa depan secara lestari. Pendidikan lestari merujuk kepada pendidikan berkualiti yang berpanjangan dan mampu memenuhi keperluan masa kini tanpa mengabaikan generasi akan datang.


Dari sudut pedagogi inovasi berteraskan Masalah Ummah, seiring dengan peranan Murabbi sebagai pendidik yang mesti bersikap inovasi dalam pedagogi untuk memastikan pendidikan kekal relevan dan lestari. Setiap perspektif inovasi hendaklah berteraskan Masalah Ummah, iaitu mendatangkan kebaikan kepada masyarakat umum (ummah) dan bukan sekadar memperkenalkan perubahan yang tidak memberi sebarang manfaat.

Secara keseluruhan, guru yang melaksanakan peranan sebagai pemangkin pendidikan lestari dan inovasi berupaya melahirkan pelajar yang bukan sahaja berilmu dan berkemahiran tinggi, tetapi juga berakhlak mulia, beretika dan memiliki kesedaran untuk menyumbang secara mampan kepada agama, bangsa dan negara. Guru berperanan membina kesedaran sivik dan memupuk sikap prihatin terhadap masyarakat serta alam sekitar, sejajar dengan prinsip Maqasid Syariah. Guru juga menjadi teras kepada pencapaian falsafah pendidikan negara serta pembentukan generasi yang berkualiti, seimbang dari sudut duniawi dan ukhrawi, dan bersedia menerajui masa depan dengan jati diri yang kukuh.





**PENERIMA-PENERIMA  
ANUGERAH HARI GURU  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
KE-34 TAHUN 2024**



# ANUGERAH GURU BERJASA 2024



**Yang Dimuliakan**  
**Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja**  
**Dato Paduka Seri Setia**  
**Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin**  
Mantan Timbalan Mufti Kerajaan  
Jabatan Mufti Kerajaan  
Jabatan Perdana Menteri



**Yang Mulia**  
**Dato Paduka Haji Sheikh Adnan**  
**bin Sheikh Mohamad**  
Mantan Setiausaha Tetap  
Kementerian Pendidikan



**Yang Mulia**  
**Pengiran Haji Mahmud bin Pengiran Damit**  
Mantan Pensyarah  
Universiti Brunei Darussalam



**Yang Mulia**  
**Awang Haji Mohsin bin Abu Bakar**  
Mantan Pegawai Pelajaran  
Jabatan Perkembangan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan

23 SEPTEMBER

1935

SAMPAITAN  
Hari Guru 35

# ANUGERAH GURU CEMERLANG 2024



**Yang Mulia**  
**Profesor Doktor Nehaluddin Ahmad**  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali  
(Undang-Undang)



**Yang Mulia**  
**Dayangku Selinna binti**  
**Pengiran Dato Paduka Haji Asmali**  
Pusat Tingkatan Enam Meragang  
(Art and Design)



**Yang Mulia**  
**Dayang Valliatharayil Susan Philipose**  
Sekolah Menengah Sayyidina Husain  
(Chemistry)



**Yang Mulia**  
**Dayang Siti Sabriah**  
**binti Awang Haji Basar**  
Sekolah Rendah  
Pengiran Anak Puteri Besar  
(English Language)



**Yang Mulia**  
**Dayang Hajah Noorhayati**  
**binti Awang Haji Mohd Noor**  
Sekolah Ugama Arab  
Menengah Perempuan  
Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha  
(Bahasa Arab)



**Yang Mulia**  
**Dayang Hajah Rusmatin**  
**binti Haji Matasim**  
Sekolah Menengah St Margaret  
(Pengetahuan Ugama Islam)



**Yang Mulia**  
**Dayang Armah binti Tengah**  
Sekolah Sains Kesihatan,  
Politeknik Brunei  
(Kejururawatan)



**Yang Mulia**  
**Awang Ang Sak Tiong**  
Sekolah Menengah Chung Hwa,  
Bandar Seri Begawan  
(Pendidikan Jasmani)



**Yang Mulia**  
**Dayang Ristrani binti Haji Abd. Halim**  
Sekolah Rendah Muhammad Alam  
(Kepimpinan Sekolah)

# ANUGERAH PENGHARGAAN HARI GURU SPECIAL MENTION 2024



**Yang Mulia**  
**Dr Mohamed Saleem**  
**Haja Nazmudden**  
Universiti Teknologi Brunei  
(Data Science and Analytics  
for Business)



**Yang Mulia**  
**Dr Juliana binti Haji Zaini**  
Universiti Brunei Darussalam  
(Kejuruteraan Komputer dan Grafik)



**Yang Mulia**  
**Dayang Anitasartini binti Haji Tarip**  
Maktab Duli Pengiran Muda  
Al-Muhtadee Billah  
(History)



**Yang Mulia**  
**Dayangku Hajah Nur Hanani binti**  
**Pengiran Haji Ahmad**  
Sekolah Menengah  
Pengiran Jaya Negara  
Pengiran Haji Abu Bakar  
(English Language)



**Yang Mulia**  
**Dayang Suhaila binti Haji Sulong**  
Sekolah Menengah  
Pengiran Anak Puteri Hajah Masna  
(English Language)



**Yang Mulia**  
**Dayang Rasidah binti Mahmud**  
Sekolah Sukan  
(Information Communications  
Technology)



**Yang Mulia**  
**Dayang Suzila binti Haji Mohd. Amin**  
Sekolah Sukan  
(Physical Education)



**Yang Mulia**  
**Dayang Zulfa binti Haji Hassan**  
Sekolah Menengah  
Raja Isteri Pengiran Anak Saleha  
(Food and Nutrition)

# ANUGERAH PENGHARGAAN HARI GURU SPECIAL MENTION 2024



**Yang Mulia**  
**Dayang Hajah Nurehsan**  
**binti Haji Rosman**  
Sekolah Menengah Katok  
(Melayu Islam Beraja)



**Yang Mulia**  
**Awang Mohamad Syahrul Bahri**  
**bin Haji Ahmad**  
Sekolah Menengah  
Pengiran Anak Puteri Hajah Masna  
(Computer Science)



**Yang Mulia**  
**Dayang Hasifah Hannah**  
**binti Haji Hashim**  
Sekolah Menengah  
Awang Semaun  
(English Language)



**Yang Mulia**  
**Dayang Rosma binti Kamar**  
Sekolah Rendah Sinaut  
(Bahasa Melayu)



**Yang Mulia**  
**Dayang Rosni binti Abidin**  
Sekolah Rendah  
Awang Haji Mohd Yusof Katimahar  
(English Language)



**Yang Mulia**  
**Awang Mirady Floridzan**  
**bin Abdul Rahman**  
Sekolah Rendah  
Pengiran Setia Negara  
Pengiran Mohammad Yusof  
(Melayu Islam Beraja)



**Yang Mulia**  
**Dayang Hajah Ardey Sukrni**  
**binti Haji Abd Ghani**  
Sekolah Rendah  
Kampong Mata-Mata  
(Melayu Islam Beraja)



**Yang Mulia**  
**Dayang Hajah Nordinah**  
**binti Haji Untong**  
Sekolah Rendah  
Awang Haji Mohd Yusof Katimahar  
(Art & Craft / Design)

# ANUGERAH PENGHARGAAN HARI GURU SPECIAL MENTION 2024



**Yang Mulia**  
**Awang Muhammad Ilham**  
**bin Abdullah Chuat @ Jeli Anak Chuat**  
Sekolah Rendah  
Dato Mahawangsa Lambak  
(Pendidikan Khas – Bahasa Melayu)



**Yang Mulia**  
**Dayang Ummy Zarienna**  
**binti Haji Mat Japar**  
Sekolah Rendah Mulaut  
(Melayu Islam Beraja)



**Yang Mulia**  
**Dayang Sablinawati @ Rabi'atul**  
**'Adawiyah binti Haji Sabli**  
Institut Tahfiz Al-Quran  
Sultan Haji Hassanah Bolkihah  
(Bahasa Arab)



**Yang Mulia**  
**Awang Kamarudzaman**  
**bin Abdul Jalil**  
Sekolah Ugama Arab  
Menengah Perempuan  
Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha  
(English Language)



**Yang Mulia**  
**Dayang Ileza Zelda**  
**binti Donglah**  
Sekolah Arab Temburong  
(Science)



**Yang Mulia**  
**Dayang Mariani**  
**binti Haji Mohammad Yusof**  
Sekolah Rendah  
Pengiran Kasuma Negara  
Bukit Beruang  
(Pendidikan Islam)



**Yang Mulia**  
**Pengiran Hajah Zaiton**  
**binti Pengiran Haji Sulaiman**  
Sekolah Ugama Lumapas  
(Fiqh)



**Yang Mulia**  
**Dayang Norsahni**  
**binti Nurul Iswadi @ Norsahni**  
**binti Awang Segera**  
Sekolah Ugama Penanjong  
(Tauhid)

# ANUGERAH PENGHARGAAN HARI GURU SPECIAL MENTION 2024



PENERIMA-PENERIMA  
ANUGERAH HARI GURU  
KE-34 TAHUN 2024



**Yang Mulia  
Awang Mohammad Raimie  
bin Haji Mazid**  
Sekolah Agro-Teknologi  
dan Sains Gunaan  
(Melayu Islam Beraja)



**Yang Mulia  
Awang Ho Ket Piau**  
Sekolah Menengah Chung Hwa,  
Bandar Seri Begawan  
(Mathematics)



**Yang Mulia  
Dayang Leenamol Reghu**  
Sekolah St John  
(Additional Maths & Physics)



**Yang Mulia  
Dayang Hajah Nor Irniwati  
binti Haji Ismail**  
Jabatan Pengurusan Pendidik  
Tenaga Bukan Mengajar



**Yang Mulia  
Pengiran Abdul Raub  
bin Pengiran Haji Ghani**  
Sekolah Menengah Berakas  
Sumbangan Luar Sekolah




**Yang Mulia  
Awang Haji Alimin  
bin Haji Taib**  
Sekolah Rendah Melilas  
Sumbangan Luar Sekolah

SAMBUTAN  
Hari Guru Ke-35



**RISTAAN MAJLIS  
SAMBUTAN HARI GURU  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
KALI KE-34 TAHUN 2024**







# Majlis Sambutan Hari Guru Ke-34

29 Rabiulawal 1446H - 3 Oktober 2024M

RISTAAAN  
SAMBUTAN HARI  
GURU KE-34

كَرُّوا بِرَبِّكَ الْيَوْمَ يَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ  
Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan








**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH  
MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN  
SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM,  
BERGAMBAR RAMAI DENGAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA TERTINGGI  
DAN PENERIMA-PENERIMA ANUGERAH HARI GURU KE-34 TAHUN 2024**



**KHUTBAH KHAS SEMBAHYANG  
FARDHU JUMAAT SEMPENA  
SAMBUTAN HARI GURU KE-34  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
TAHUN 2024**



**Bertakwalah** kita ke hadrat Allah *Subhanahu Wata'ala* dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah *Subhanahu Wata'ala* itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah *Subhanahu Wata'ala*, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Ilmu pengetahuan sangat penting dalam kehidupan manusia. Ia merupakan kunci kepada kebahagiaan kerana dengan ilmu pengetahuan akan dapat membantu kita berjaya di dunia dan juga berjaya di akhirat. Islam mendidik kita supaya menuntut ilmu sebanyak mungkin meliputi ilmu Fardu Ain seperti seperti ilmu akidah, syariah dan akhlak serta ilmu Fardu Kifayah yang mencakupi pelbagai bidang seperti teknologi, kemahiran, perubatan dan sebagainya.

Namun dalam mencari ilmu, kita perlu mencari pembimbing atau guru. Maka di sinilah peranan dan tugas guru untuk menyampaikan dan mengajar ilmu kepada anak didiknya. Guru itu diibaratkan seperti cahaya yang menerangi kegelapan. Ia memberi petunjuk dan panduan dalam memahami apa jua ilmu yang dipelajari. Dengan sikap yang tidak mengenal lelah atau patah semangat, mereka berkorban seluruh jiwa dan raga, masa, wang dan tenaga, berusaha dan berjuang memberikan yang terbaik kepada anak-anak didik mereka.

Tugas sebagai guru atau pendidik ini bukanlah suatu tugas yang boleh dilakukan oleh semua orang, sememangnya orang yang berkemahiran dan berkebolehan sahajalah yang dapat berbuat demikian. Tugas guru adalah menyeluruh dalam proses pembentukan diri seseorang manusia, yang menyediakan landasan atau asas yang kukuh sehingga anak-anak didiknya dapat mencapai kejayaan bukan sahaja dari segi pencapaian akademik bahkan mampu membentuk insan yang mempunyai akhlak yang baik dan keperibadian mulia.

Di dalam Islam, kedudukan guru adalah dipandang tinggi dan mulia sesuai dengan ketinggian ilmu. Firman Allah *Subhanahu Wata'ala* dalam Surah Al-Mujadilah, ayat 11 :

Tafsirnya : “Allah meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa darjat”. Dalam sebuah hadis, daripada Abu Ad-Darda *Radiallahuanhu*, Baginda *Sallallahu Alaihi Wasallam* ada bersabda :

**Maksudnya** : “Sesungguhnya kelebihan orang yang berilmu pengetahuan dibanding dengan ahli ibadah adalah ibarat bulan purnama atas seluruh bintang-bintang”. (Hadis Riwayat Abu Daud).

Memandangkan betapa besarnya jasa seorang guru kepada masyarakat, bangsa dan negara, maka sudah sewajarnya mereka dirahmati, dikasihi dan dihargai. Bahkan Islam menjanjikan ganjaran yang besar daripada Allah *Subhanahu Wata'ala*. Daripada Abu Umamah *Al-Bahili Radiallahuanhu*, Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* bersabda bermaksud : “Sesungguhnya Allah, para malaikat dan semua penduduk di langit dan di bumi, sehinggalah semut di sarangnya dan ikan (di lautan) pasti berselawat (mendoakan) kebaikan bagi orang yang mengajarkan kebaikan kepada manusia”. (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Tarikh 23 September adalah tarikh yang dipilih bagi mengiktiraf sumbangan dan jasa para guru di Negara Brunei Darussalam. Tema Hari Guru pada tahun ini ialah ‘Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan’ berserta sub-temanya iaitu ‘Pendidikan Untuk Dunia Yang Terus Berubah’.

Guru merupakan pemacu perubahan yang sentiasa memberi inspirasi kepada pelajar untuk mencapai potensi penuh mereka. Guru bukan sahaja sebagai pendidik tetapi juga mentor yang memupuk rasa ingin tahu, kreativiti dan juga pencetus semangat para pelajar untuk pembelajaran sepanjang hayat. Dengan mengadaptasi kaedah pengajaran yang inovasi dan memanfaatkan teknologi, guru akan sentiasa terus kreatif dalam pengajaran mereka dengan menjadikannya lebih menarik dan relevan dengan cabaran Abad Ke-21.

Dalam dunia digital yang pesat berubah, kemahiran literasi digital dan penilaian kritikal adalah diperlukan untuk pelajar dan guru adalah berperanan penting dalam proses ini. Mereka bukan sahaja menyampaikan kandungan pembelajaran serta penilaiannya dengan bijaksana tetapi juga mengajar anak didik bagaimana menilai sumber maklumat yang diterima secara kritikal dan menggalakkan penggunaan teknologi secara bertanggungjawab.

Guru juga sebagai pencorak masa depan pelajar. Peranan guru adalah lebih besar, bukan sekadar memberikan pengetahuan akademik malah juga memupuk kecerdasan emosi kedayatahan dan kemampuan menyesuaikan diri. Semua ini adalah penting dalam dunia yang sentiasa berubah. Dengan menggabungkan literasi digital dalam kurikulum dan pendekatan inovasi oleh para guru, akan boleh dijadikan sebagai persiapan pelajar untuk menghadapi dunia yang pesat berkembang.

Dalam mendidik anak bangsa, kita selaku ibu bapa dan masyarakat juga mempunyai peranan untuk berganding bahu dan bekerjasama dengan guru-guru dalam membentuk anak-anak menjadi insan yang cemerlang dan berkualiti di masa hadapan. Guru hanya mampu mendidik mereka di sekolah, manakala di luar sekolah adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa dan masyarakat untuk memperkukuh pendidikan di sekolah, dengan sama-sama memata-matai, mendidik, memberi kasih sayang, mengambil peduli serta memberi teguran dan nasihat kepada anak-anak agar mereka menjadi insan yang berguna untuk agama, bangsa dan negara.


Maka marilah sama-sama kita menghargai dedikasi para guru dan menyokong usaha mereka untuk memberdayakan generasi seterusnya sebagai warga global yang sentiasa siap siaga memberikan sumbangan positif kepada dunia yang sentiasa berubah dengan mencapai Wawasan Brunei 2035.

Akhirnya, kita berdoa ke hadrat Allah *Subhanahu Wata'ala* agar para guru sentiasa dilimpahkan taufik dan hidayah dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dalam mendidik anak bangsa dengan menyampaikan ilmu dunia dan ilmu akhirat, sekali gus dapat menjadikan negara kita maju dan aman makmur. Semoga para guru dan pendidik akan sentiasa mendapat rahmat, petunjuk dan pertolongan daripada Allah *Subhanahu Wata'ala*. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : “Wahai orang-orang yang beriman! Apabila dikatakan kepada kamu : Lapangkanlah tempat duduk di majlis-majlis (untuk orang lain), maka lapangkanlah, nescaya Allah memberi kelapangan untuk kamu. Dan apabila dikatakan : Berdirilah, hendaklah kamu berdiri, nescaya Allah meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa darjat. Dan Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan”. (Surah Al-Mujadilah, ayat 11).



**INISIATIF - INISIATIF  
DALAM PENGAJARAN DAN  
PEMBELAJARAN  
'GURU PEMANGKIN PENDIDIKAN  
LESTARI DAN INOVASI'**



# GURU MENGHASILKAN PELAJAR KREATIF DAN INOVATIF MELALUI PENDIDIKAN HIJAU (*GREENING EDUCATION*)



Pelancaran Buku Pelan Pendidikan Hijau 2025-2035 dan perasmian Persidangan Pertubuhan Majlis Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEC) ke-53 telah disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah pada 1 Julai 2025



Sembah penerangan Buku Pelan Pendidikan Hijau kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah oleh Yang Mulia Dr. Haji Azman, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi)



Pelajar penyelidik di *Faculty of Science (FOS)*, Universiti Brunei Darussalam bersama industri dan pihak berkepentingan mengkaji tumbuhan ubatan tempatan bagi menghasilkan ubat herba yang selamat dan berkesan



Projek "*Village Sustainable*" ini melibatkan murid sekolah rendah dalam aktiviti yang menyokong kelestarian alam seperti bercucuk tanam, menjaga tanaman, dan memahami proses pertumbuhan tanaman





INISIATIF - INISIATIF  
DALAM PENGAJARAN  
DAN PEMBELAJARAN

Universiti Teknologi Brunei (UTB), Brunei Shell Petroleum (BSP) dan Shell Deepwater Borneo menandatangani Memorandum of Understanding (MoU) menerusi inisiatif “Artificial Intelligence (AI): Gift to Nation” bagi menyokong pembangunan AI di Negara Brunei Darussalam



### Buku Garispandu bagi STEAM Education and Skills (SES)





Buku garis panduan *STEAM Education and Skills (SES)* telah dilancarkan dan kini digunakan di sekolah-sekolah, sebagai rujukan sekolah dalam merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran STEAM di sekolah



## STEAM Education and Skills (SES)

Guideline for Year 2 - Year 5





## Inisiatif Inovasi dan Kelestarian di Semua Peringkat Pendidikan

Pelbagai aktiviti dijalankan dari  
pendidikan rendah, menengah, teknikal  
dan vokasional serta pengajian tinggi  
bagi meningkatkan tahap inovasi  
dalam kalangan pelajar dan guru



7 August 2023 10:37





# GURU SEBAGAI MURABBI DALAM MENDIDIK JIWA DAN SAHSIAH PELAJAR



Lawatan Kerja Menteri Hal Ehwal Ugama  
ke sekolah agama sempena  
sesi persekolahan penggal pertama  
Tahun 2025



Pelaksanaan Program Bimbingan Shalat  
Pelajar Tahun 2 Di Sekolah-Sekolah Rendah  
(Kerajaan Dan Swasta) dijalankan bermula  
minggu pertama bulan Februari 2025 bagi  
pelajar-pelajar Islam Tahun 2



Kegiatan kokurikulum dilaksanakan dalam  
Program Sahsiah Pelajar (PSP) yang mana  
amalan-amalan terbaik telah dikenal pasti dan  
diungkapkan oleh pihak sekolah



Antara inisiatif sekolah dalam melatih murid  
cara penanaman biji benih dan pokok hijau  
bagi menjaga alam sekitar





## Kecemerlangan Guru dan Pelajar

Penyertaan para guru dan pelajar dalam kejohanan dan pertandingan di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa





## Program Perkembangan Profesional Teras



Kehadiran guru-guru di beberapa bengkel dan simposium untuk meningkatkan kemahiran dan kualiti guru melalui pembelajaran sepanjang hayat







## Menjana Bakat & Kreativiti Melalui Keusahawanan

Guru dan pelajar menyerlahkan bakat,  
kreativiti, dan kebijaksanaan melalui  
kemahiran keusahawanan semasa  
'Financial Literacy Day'





## Acara Sukan Kementerian Pendidikan

Semangat kesukanan,  
Sambutan Hari Guru Ke-34  
Tahun 2024 untuk mengukuhkan  
silaturahim dan ukhwah, memupuk  
semangat berpasukan dan  
mengalakan gaya hidup sihat




INISIATIF - INISIATIF  
DALAM PENGAJARAN  
DAN PEMBELAJARAN





**RANCANGAN AKTIVITI-AKTIVITI  
SAMBUTAN HARI GURU  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
KE-35 TAHUN 2025**



## Rancangan Aktiviti-Aktiviti Sepanjang Sambutan Hari Guru Ke-35 Tahun 2025


Bil	Acara / Aktiviti:	Tarikh	Tempat / Masa
1	Majlis Membaca Surah Yaasin dan Tahlil khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah	27 Rabiulawal 1447 / 20 September 2025	Kubah Makam Diraja, Bandar Seri Begawan
2	Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Guru Kali Ke-35	29 Rabiulawal 1447 / 22 September 2025	Masjid Omar 'Ali Saifuddin
3	Siaran Rakaman Forum Nadwah Khas	18 Rabiulawal 1447 / 11 September 2025 & 1 Rabiulakhir 1447 / 23 September 2025	Universiti Islam Sultan Sharif Ali Radio Televisyen Brunei Perdana dan Radio Televisyen Brunei Sukmaindera
4	Khutbah Khas Sembahyang Fardhu Jumaat	26 Rabiulawal 1447 / 19 September 2025	Seluruh masjid dan surau
5	Majlis Doa Kesyukuran	2 Rabiulakhir 1447 / 24 September 2025	Dewan atau auditorium Sekolah masing-masing

## Rancangan Aktiviti-Aktiviti Sepanjang Sambutan Hari Guru Ke-35 Tahun 2025

Bil	Acara / Aktiviti:	Tarikh	Tempat / Masa
6	Munajat Khas Sempena Hari Guru	12 Rabiulakhir 1447 / 4 Oktober 2025	Secara atas talian
7	Persidangan Hari Guru Ke-35	16 Rabiulakhir 1447 / 8 Oktober 2025 & 17 Rabiulakhir 1447 / 9 Oktober 2025	Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD)
8	Kejohanan Badminton	15 Rabiulawal 1447 / 8 September 2025 hingga 5 Rabiulakhir 1447 / 27 September 2025	Sekolah Sukan & Pusat Belia
9	Kejohanan Futsal	26 Muharram 1447 / 25 Julai 2025 hingga 6 Rabiulakhir 1447 / 28 September 2025	Dewan Serbaguna MPH, Kompleks Sukan Negara Brunei Darussalam
10	Kejohanan Ten Pin Bowling	14 Rabiulawal 1447 / 7 September 2025 hingga 4 Rabiulakhir 1447 / 26 September 2025	Golden Bowling, Airport Mall
11	Kejohanan Bola Jaring	19 Rabiulawal 1447 / 12 September 2025 hingga 6 Rabiulakhir 1447 / 28 September 2025	Atrium, Sekolah Sukan & Dewan Serbaguna, Kompleks Sultan Haji Hassanal Bolkiah
12	Walkathon Hari Guru Ke-35 Tahun	27 Rabiulakhir 1447 / 19 Oktober 2025	Taman Mahkota Jubli Emas, Bandar Seri Begawan



**JAWATANKUASA-JAWATANKUASA  
MAJLIS SAMBUTAN HARI GURU  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
KE-35 TAHUN 2025**





JAWATANKUASA TERTINGGI SAMBUTAN HARI GURU  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-35 TAHUN 2025

## **JAWATANKUASA TERTINGGI SAMBUTAN HARI GURU NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-35 TAHUN 2025**

**PENGERUSI BERSAMA** • YANG BERHORMAT DATIN SERI SETIA DR. DAYANG HAJAH ROMAIZAH BINTI HAJI MD SALLEH, MENTERI PENDIDIKAN • YANG BERHORMAT PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH DATO PADUKA HAJI AWANG OTHMAN, MENTERI HAL EHWAL UGAMA • **TIMBALAN PENGERUSI** • YANG MULIA PENGIRAN DATO SERI PADUKA HAJI MOHAMMAD TASHIM BIN PENGIRAN HAJI HASSAN, TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL UGAMA • **SETIAUSAHA BERSAMA** • YANG MULIA AWANG HAJI MOHAMMAD ROSLI BIN HAJI IBRAHIM, SETIAUSAHA TETAP, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA • YANG MULIA DR. AWANG HAJI AZMAN BIN AHMAD, SETIAUSAHA TETAP (PENGAJIAN TINGGI), KEMENTERIAN PENDIDIKAN • YANG MULIA DR. DAYANG SHAMSIAH ZURAINI KANCHANAWATI BINTI HAJI TAJUDDIN, SETIAUSAHA TETAP (PENDIDIKAN TERAS), KEMENTERIAN PENDIDIKAN • **AHLI-AHLI** • YANG MULIA DATO SERI PAHLAWAN SULAIMAN BIN ALIDIN, PESURUHJAYA POLIS PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI, JABATAN PERDANA MENTERI • YANG MULIA DATIN PADUKA DR. DAYANG HAJAH NORLILA BINTI DATO PADUKA HAJI ABDUL JALIL, PENGERUSI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, JABATAN PERDANA MENTERI • YANG MULIA AWANG AJMAN BIN HAJI MELUDIN, SETIAUSAHA TETAP (URUSTADBIR PERKHIDMATAN AWAM), JABATAN PERDANA MENTERI • YANG MULIA DR. AWANG CHIN WEI KEH, TIMBALAN SETIAUSAHA TETAP (PENGAJIAN TINGGI), KEMENTERIAN PENDIDIKAN • YANG MULIA AWANG ALIUDDIN BIN HAJI ABDUL RAHMAN, TIMBALAN SETIAUSAHA TETAP (PENDIDIKAN TERAS), KEMENTERIAN PENDIDIKAN • YANG MULIA AWANG HAJI SHAMSHOL BIN HAJI OMAR, TIMBALAN SETIAUSAHA TETAP (DASAR DAN KEUGAMAAN), KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA • YANG MULIA AWANG MISLE BIN HAJI ABDUL KARIM, TIMBALAN SETIAUSAHA TETAP (PENTADBIRAN DAN KEWANGAN), KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA • YANG MULIA PENGIRAN DR. MOHAMMAD ISKANDAR BIN PENGIRAN HAJI PETRA, PEMANGKU TIMBALAN SETIAUSAHA TETAP (DASAR DAN KORPORAT), KEMENTERIAN PENDIDIKAN • YANG MULIA DR. AWANG NORFARIZAL BIN OTHMAN, KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM, JABATAN PERKHIDMATAN AWAM • YANG MULIA DATO PADUKA AWANG RAZALI BIN HAJI BADAR, PENOLONG KANAN YANG DI-PERTUA ADAT ISTIADAT NEGARA, JABATAN ADAT ISTIADAT NEGARA • YANG MULIA PENGIRAN DATIN PADUKA HAJAH HAIRANI BINTI PENGIRAN MAHARAJA LELA PENGIRAN MUDA ABDUL KAHAR •


## **JAWATANKUASA KERJA SAMBUTAN HARI GURU NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KALI KE-35 TAHUN 2025**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA KERJA TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN

KEMENTERIAN PENDIDIKAN DAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA



## TAJAJAN DAN PENGHARGAAN



## TAJAJAN DAN PENGHARGAAN

Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sempena  
Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-35 Tahun 2025,  
merakamkan ucapan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan  
kepada semua penaja atas sumbangan yang diberikan dalam sama-sama  
menyempurnakan dan menjayakan Majlis Sambutan Hari Guru  
Negara Brunei Darussalam Ke-35 Tahun 2025

## PENGHARGAAN



**Brunei Darussalam**



---

Authority for Info-communications Technology Industry  
of Brunei Darussalam

## PENGHARGAAN



**BRUNEI FERTILIZER**  
INDUSTRIES

  
**imagine**  
what's**next**

PENGHARGAAN

**JUNN**

Empowering Digital Society

Boeffi



## PENGHARGAAN



**INTRACORP**  
▪ ELECTRONICS ▪ FURNITURE ▪ LIFESTYLES ▪



**TAKAFUL  
BRUNEI**



**BIBD**

## PENGHARGAAN



**DST**



**Findlay**



**بروني دارالسلام سنترال بڠا**  
BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK



## PENGHARGAAN



**جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية**  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI  
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY



Cuckoo Sdn Bhd  
SPHI Foods  
Thomson Furniture  
WISA Company  
Unitek Technosolutions Sdn Bhd  
Tendrill International Sdn Bhd  
ITIS Wescot Technology Sdn Bhd  
Universiti Brunei Darussalam  
Restoran Normas Hidayat  
Micronet College  
JPMC College of Health Sciences (JCHS)  
Brunei Hotel Sdn Bhd  
Kissuru  
Engage Minds Learning International School  
Wafa Hotel & Apartment  
Lucky Charm  
ASR Fitness BN  
Engage Minds Learning

## PENGHARGAAN

Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Perdana Menteri  
Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Perdana Menteri  
Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri  
Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri  
Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri  
Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri  
Pusat Persidangan Antarabangsa, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri  
Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan  
Jabatan Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan  
Pejabat Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri  
Pejabat Daerah Belait, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri  
Pejabat Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri  
Pejabat Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri  
Lembaga Bandaran, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri  
Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri  
Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan  
Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei



هَذَا يَوْمٌ  
مُبَارَكٌ

23 SEPTEMBER

HG35

SAMBUTAN  
*Khari Guru Ri-35*